



13 APR, 2026

## TNB dedah rahsia rampas trofi

Kosmo, Malaysia



TNB berjaya melunaskan impian merampas gelaran Piala Sumbangsih selepas menundukkan THT kelmarin.

# TNB dedah rahsia rampas trofi

- Muncul juara Piala Sumbangsih
- Berjaya tumbangkan THT

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI

**KETUA** jurulatih TNB ThunderStars, Mohd. Madzli Ikmar Mohd. Nor menyifatkan semangat kerja berpasukan yang tinggi faktor utama kejayaan pasukannya merampas kembali kejuaraan Piala Sumbangsih, kelmarin.

TNB ThunderStars meraih kemenangan dramatik 5-4 berdepan juara bertahan, Pasukan

Hoki Terengganu (THT) di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Mohd. Madzli Ikmar berkata, kelebihan memiliki ramai pemain kebangsaan juga berjaya dimanfaatkan dengan baik.

"Alhamdulillah pemain-pemain berjaya menterjemahkannya dengan baik di atas padang bagi merealisasikan misi merampas kembali kejuaraan (Piala Sumbangsih).

"Faktor keserasian dalam kalangan pemain turut memainkan peranan penting sehingga membolehkan pasukan menjaringkan gol kemenangan (pada saat-saat akhir," katanya.

Mengulas situasi ketinggalan dua gol pada awal permainan,

beliau mengakui anak buahnya sedikit hilang fokus, namun berjaya bangkit selepas diingatkan agar tidak panik dan mengikut perancangan dibuat.

Sementara itu, pengendali THT, Mohd. Hafzi Baharom tetap berpuas hati dengan persembahan anak buahnya meskipun tewas tipis kepada TNB ThunderStars yang juga musuh tradisi.

"Secara keseluruhan, saya bangga dengan komitmen pemain. Mereka berjaya mengawal perlawanan sebelum kita tewas pada 45 saat terakhir.

"Saya akui kita lemah dalam situasi sudut penalti serta struktur pertahanan ketika menyerang," katanya.